

PARLIMEN-PROTON

KUALA LUMPUR, 23 OKT. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA HARGA KERETA PROTON SAGA MURAH KERANA KERAJAAN TELAH MENGURANGI CUKAI BAGI MENENTUKAN KEJAYAAN PERUSAHAAN KERETA NASIONAL ITU.

BELIAU BERKATA KEJAYAAN PERUSAHAAN ITU PENTING KERANA KERAJAAN TIDAK BERUPAYA UNTUK GAGAL DALAM KEADAAN KEMEROSOTAN EKONOMI SEKARANG.

+PERUSAHAAN YANG GAGAL AKAN MENDATANGKAN KERUGIAN BESAR KEPADA PELABUR DAN NEGARA,+ KATANYA SEMASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN ENCIK MOHAMED NAJIB WAN MOHAMAD (BN-PASIR PUTEH) DI DEWAN RAKYAT HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN PERLU MENENTUKAN KEJAYAAN PERUSAHAAN ITU KERANA TELAH BANYAK MODAL YANG DIKELUARKAN SERTA RAMAI PEKERJA YANG DIAMBIL DAN DILATIH BAGI TUJUAN ITU.

MENGENAI DAKWAAN KONONNYA ADA WAKIL-WAKIL ATAU JURUJUAL EDARAN OTOMOBIL NASIONAL (EON) YANG MENGAMBIL PELUANG MEMASARKAN KERETA JENIS LAIN SELAIN PROTON SAGA; DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA + SAYA TIDAK PERCAYA PERKARA ITU BERLAKU KERANA MEREKA MENDAPAT KOMISYEN UNTUK MENJUAL KERETA DI BAWAH JAGAAN MEREKA+. -- LAGI.

PARLIMEN-PROTON 2 KUALA LUMPUR

+BAGAIMANAPUN KERANA SAYA TIDAK MEMPUNYAI BUKTI YANG JSLAS; SAYA TIDAK BOLEH MENGULAS LEBIH LANJUT,+ KATANYA.

SEMASA MENJAWAB SOALAN ENCIK YAHYA HAJI ZAKARIA (BN-BAGAN DATOK); DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PARA PEMBELI KERETA PROTON SAGA TERPAKSA MENUGGU SEHINGGA TIGA BULAN KERANA PERMINTAAN TERHADAPNYA MELEBIHI JANGKAAN.

BELIAU BERKATA SETAKAT INI KUOTA YANG TELAH DIPENUHI UNTUK MEMBELI KERETA ITU BAGI TEMPOH SEHINGGA MAC DEPAN.

USAHA SEDANG DIBUAT SUPAYA KERETA NASIONAL ITU DAPAT DIKELUARKAN DENGAN CEPAT DAN DIHARAP PARA PEMBELI DAPAT BERSABAR SEDIKIT; KATANYA.

ENCIK YAHYA JUGA BERTANYAKAN DAKWAAN YANG MENGATAKAN ADA PARA PENJUAL KERETA TERPAKAI YANG MELAKUKAN SABOTAJ DENGAN MEMPAMERKAN KERETA-KERETA PROTON SAGA BERSAMA-SAMA KERETA-KERETA TERPAKAI SEOLAH-OLAH KERETA MUTU KERETA NASIONAL TIDAK TAHAN LAMA. -- LAGI

PARLIMEN-PROTON 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENAFIKAN DAKWAAN ITU DAN MENYIFATKANNYA SEBAGAI +CERITA SAHAJA+.

SEMASA MENJAWAB SOALAN ENCIK CHAN KOT KIT (DAP-SUNGAI BESI); BELIAU BERKATA ANTARA TEGURAN ORANG RAMAI MENGENAI KERETA NASIONAL ITU IALAH PEMBELIANNYA MENGAMBIL MASA YANG LAMA; TIDAK BANYAK PILIHAN WARNA DAN IA TIDAK MENGGUNAKAN +BUMPER GETAH+ SEPERTI KEBANYAKAN KERETA LAIN.

+ TETAPI YANG KERAP BERLAKU IALAH ADA ORANG KAMPUNG YANG MEMBAWA WANG TUNAI DATANG KE KEDAI-KEDAI EON UNTUK MEMBELI KERETA ITU DAN TERUS HENDAK MEMBAWANYA BALIK.

+ SEMUA TEGURAN INI KITA TELAH CUBA LAYAN. BAGAIMANAPUN BANYAK JUGA TEGURAN YANG DIKEMUKAKAN SEOLAH-OLAH KITA MENGELUARKAN KERETA JENIS ROLLS ROYCE DAN BUKANNYA KERETA YANG SAMA MUTUNYA DENGAN JENIS 1.3 ATAU 1.5 CC.;+ JELAS BELIAU.

SEMASA MENJAWAB SOALAN ENCIK MAMAT GHAZALEE ABDUL RAHMAN (BN-ULU NERUS) DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERETA PROTON SAGA YANG DIBAWA KE INDONESIA BARU-BARU INI MERUPAKAN HADIAH KEPADA PRESIDEN SUHARTO DAN TIADA MAKSUD HENDAK MENJUAL KERETA ITU DI REPUBLIK ITU.

-- LAGI.

PARLIMEN-PROTON 4 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, 10 BUAH KERETA PROTON SAGA YANG DIBAWA KE CHINA PULA ADALAH PERMINTAAN SEBUAH SYARIKAT DI NEGARA ITU UNTUK DIPAMERKAN.

+ PENGHANTARAN KERETA-KERETA ITU MUNGKIN MERUPAKAN TITIK PERMULAAN UNTUK MENGEKEPORT PROTON SAGA KE CHINA,+ KATANYA.

SEMASA MENJAWAB SOALAN ENCIK LEE LAM THYE (DAP-KUALA LUMPUR BANDAR), PERDANA MENTERI BERKATA SELAIN CHINA DAN BRITAIN, BEBERAPA NEGARA LAIN MENUNJUKKAN MINAT KEPADA KERETA NASIONAL ITU.

ANTARA NEGARA ITU IALAH THAILAND, AUSTRALIA, NEW ZEALAND, BANGLADESH, OMAN, SWITZERLAND, SWEDEN, JERMAN BARAT, SRI LANKA, CYPRUS, KANADA DAN IRELAND.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, SETAKAT INI MALAYSIA MASIH BELUM MAMPU MEMENUHI MINAT NEGARA-NEGARA ITU. -- LAGI.

PARLIMEN-PROTON 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN LEBIH BERMINAT UNTUK MEMENUHI PERMINTAAN PASARAN DALAM NEGARA TERLEBIH DAHULU SEBELUM MEMPERLUASKAN PASARANNYA KE NEGARA-NEGARA LAIN.

+UNTUK MENJUAL PROTON SAGA KE NEGARA-NEGARA BERKENAAN, KITA MESTI MEWUJUDKAN KEGIATAN SOKONGAN SEPERTI STESEN SERVIS UNTUK MEMBAIKI KEROSAKAN SERTA MENJAGA MUTU KERETA-KERETA BERKENAAN. KATANYA.

+ SEKIRANYA KITA GAGAL MENGADAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN ITU, IA AKAN MENJEJASKAN PASARAN DI LUAR NEGARA,+ JELAS BELIAU.

SEMASA MENJAWAB SOALAN ENCIK LEE SAMA ADA KERAJAAN BERCADANG MENDAPATKAN BANTUAN KEDUTAAN-KEDUTAAN DI LUAR NEGERI BAGI MEMPERLUASKAN PUBLISITI MENGENAI PROTON SAGA, PERDANA MENTERI BERKATA PERKARA ITU BELUM BOLEH DIGALAKKAN KERANA MALAYSIA BELUM BERSEEDIA MENGELUARKAN KERETA ITU DENGAN BILANGAN YANG BANYAK.

+ KITA TIDAK MAHU MENGHADAPI MASALAH APABILA BERLAKU PERMINTAAN MELEBIHI KEMAMPUAN KITA UNTUK MENGELUARKANNYA,+ JELAS BELIAU. -- LAGI

PARLIMEN-PROTON 6 KUALA LUMPUR

SEMASA MENJAWAB SOALAN ASAL WAN ABU BAKAR WAN MOHAMED (BN-JERANTUT) PERDANA MENTERI BERKATA KAJIAN TELITI SEDANG DIJALANKAN UNTUK MENENTUKAN STRATEGI MEMABARKAN KERETA PROTON SAGA KE PASARAN LUAR NEGERI.

KATANYA STRATEGI YANG DITENTUKAN IALAH UNTUK MENGESAN PASARAN APABILA NEGARA DAPAT MEMENUHI PIAWAIAN YANG DITETAPKAN DI PASARAN BERKENAAN DAN BERJAYA MENGATASI PERSAINGAN YANG ADA.

+ OLEH KERANA PERUSAHAAN OTOMOBIL MASIH DALAM PROSES MENGGUBAL STRATEGI PASARAN YANG MEMBABITKAN JUMLAH YANG BESAR, MAKA MALAYSIA TIDAK DAPAT MEMENUHI PERMINTAAN BEBERAPA NEGARA YANG MENUNJUKKAN MINAT UNTUK MENGIMPORT KERETA NASIONAL ITU,+ JELAS BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KILANG PROTON PADA MASA INI BERUPAYA MENGELUARKAN 30,000 BUAH KERETA SETAHUN.

SEKIRANYA PERLU, DENGAN TAMBAHAN MODAL YANG MARGINAL, KILANG ITU DENGAN MUDAH BERUPAYA MENINGKATKAN PENGELUARAN KEPADA 120,000 BUAH KERETA SETAHUN, KATANYA.

BELIAU BERKATA DARIPADA SUDUT EKONOMI LEBIH MENGUNTINGKAN LAGI MENGADAKAN PENGELUARAN YANG BESAR BAGI SATU-SATU MODEL KERETA BERBANDING DENGAN PILIHAN MENGELUARKAN BANYAK MODEL DENGAN JUMLAH PENGELUARAN YANG KECIL. -- BERNAMA